

Headline Eco-Camp Bayer Mencari Duta Alam Sekitar
Date 21. Jun 2008
Media Title Utusan Malaysia
Section Yo!
Circulation 238082
Readership 833287

Language MALAY
Page No 6
Article Size 813 cm²
Frequency Daily
Color Full Color



Oleh HAMIMAH HAMID
Gambar BAIZURA HARUN

SETIAP tahun pada tanggal 5 Jun, masyarakat dunia akan menyambut Hari Alam Sekitar dengan pelbagai program yang memfokus terhadap usaha mempertingkatkan kesedaran menjaga alam sekitar.

Pelbagai aspek meliputi falsafah pendidikan, dasar pembangunan, hubungan kerjasama serantau, aktiviti ekonomi serta gaya dan cara kehidupan moden masa kini akan menjadi topik utama yang diberi perenakan.

Namun, masalah kemasuhan alam masih tetap berlaku akibat kebiasaan atau tabiat manusia yang melakukan aktiviti tidak mesra alam sehingga menyebabkan kemudarat terhadap dunia.

Ekosistem bumi terus diasak dengan isu pemanasan global, cuaca dunia yang tidak menentu, kepuusan hidupan liar sehingga pencemaran.

Berbagai cara disarankan untuk mengembalikan seri bumi, antaranya melakukan kitas semula, penanaman pokok untuk menghijaukan bumi, melindungi habitat haiwan, mengurangkan pengeluaran asap dengan mengelakkan pertambangan kepada kenderaan berenjin dan sebagainya.

Mengambil tanggungjawab menjaga alam sekitar, *United Nations Environment Programme* (UNEP) dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) mengadakan Program Bayer Young Environmental Envoy (BYEE).

Ketua Projek BYEE, Ho Mei Choo berkata, program Eco-Camp tersebut bertujuan memberi gambaran dan pengetahuan berkenaan alam sekitar dan senario terkini di Malaysia serta usaha-usaha yang diambil pihak-pihak berkenaan dalam menangani masalah yang berkaitan.

Menurut Mei Choo, program BYEE membawa pelajar universiti yang terpilih untuk menyertai Eco-Camp dan mendedahkan mereka mengenai masalah alam sekitar serta alternatif untuk menangani permasalahan tersebut.



PESERTA Program Bayer Young Environmental Envoy (BYEE) menguji kualiti air perigi di Pulau Perhentian Kecil, Terengganu, baru-baru ini.

Eco-Camp Bayer mencari duta alam sekitar

Untuk menyertai Eco-Camp tersebut jelasnya, pelajar-pelajar universiti yang berminat (terbuka kepada semua jenis kursus pengajian) perlu menulis karangan mengenai kesedaran alam sekitar sepanjang 1,000 batah perkataan sebelum disenaraikan untuk ditinjau dan terpilih.

"Program ini bermula pada tahun 2006 di Kuala Gula, Perak, pada 2007 di Kuala Tahan, Pahang dan tahun ini kami memilih Pulau Perhentian Kecil, Terengganu sebagai destinasi untuk program Bayer."

"Tahun ini, 10 peserta terdiri daripada empat lelaki dan enam wanita telah dipilih untuk menjadi bakal duta alam sekitar," katanya.

Program Eco-Camp Bayer di Pulau Perhentian Kecil, Terengganu mendedahkan peserta dengan masalah kemasuhan hidupan laut terutamanya batu karang akibat pembuangan sampah.

Program lima hari bermula dari 14 hingga 18 Jun tersebut diatur dengan pelbagai aktiviti seperti ice breaking, aktiviti berkumpulan, lawatan ke kawasan terumbu karang serta mendaki ke kawasan bukit melihat kincir angin pertama di Malaysia.

Selain itu, mereka juga perlu mengkaji kualiti air tawar dan air masin dan menemubual pelancang mengenai masalah pencemaran alam di Pulau Perhentian Kecil sebelum 'dihadiahkan' dengan aktiviti

mencandat sotong dan snorkeling.

Selain program lima hari di Pulau Perhentian Kecil, semua peserta perlu membuat pembentangan hasil pemerhatian dan kajian mereka untuk dinilai oleh panel hakim.

Dua peserta terbaik akan dipilih mewakili Malaysia sebagai duta muda alam sekitar ke Jerman.

Mereka akan bersama dengan wakil dari 16 buah negara mengikuti satu lawatan sambil belajar bermula 2 hingga 7 November depan.

Maklumat lanjut mengenai BYEE boleh didapati dengan melayari laman web www.bayeryoungenvoy.com.

